

Graduan FSU

kuasai dua perundangan serentak



BANGUNAN utama Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), KUIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

OLEH ZUARIDA MOHYIN
GAMBAR IZHAM JAAFAR


RUANGAN Agama sebelum ini pernah beberapa kali membuat liputan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang menyentuh pelbagai aspek. Antaranya; pencapaian KUIM dalam tempoh lima tahun, perancangan masa depan menerusi wawancara eksklusif bersama Rektornya, Prof. Datuk Dr. Abdul Shukor Husin. Terbaru, keunikan landskap serta kunjungan sulung Tuanku Canselor-nya, Tuanku Najihah Almarhum Tuanku Besar Burhanuddin ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang ke-12 ini di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan pada awal Jun lalu.

Pada keluaran ini pertemuan yang diatur oleh Pengarah Pusat Korporat dan Perhubungan Antarabangnya, Sapore Sipon dengan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Prof. Dr. Abdul Samat Musa menguatkan lagi aspek keunikan dan kelainan program di KUIM.

Abdul Samat berkata, FSU adalah antara fakulti terawal ditubuhkan di KUIM. Ia berbeza dengan fakulti undang-undang di IPTA lain. Program pengajian di fakulti meliputi dua bidang utama iaitu menggabungkan syariah dan sivil secara serentak. Ia juga disebut program *double major* atau dwi-peng-khususan dalam satu ijazah.

Terdapat dua program pengajian utama yang ditawarkan. Pertama, Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang dengan kepujian. Tempoh pengajiannya lima tahun. Ia satu program yang profesional yang mana graduan layak untuk mengamalkan sama ada undang-undang sivil atau syariah. Malah mereka juga layak mengamalkan kedua-dua bidang ini serentak. Ini kerana mereka diberi pendedahan dari segi teori dan amali kedua-dua bidang secara bersepadu.

"Kedua, Program Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan kepujian. Ini juga program unik serta yang pertama ditawarkan dan mengambil masa empat tahun. Fokusnya ialah melahirkan graduan yang berkemampuan dalam bidang fiqh dan pengurusan fatwa serta mampu mengaplikasikan teori tentang ma-



PROF. DR. ABDUL SAMAT MUSA

INSTITUSI

dan menangani isu berkaitan fatwa.

"Contohnya sekarang ini, timbul bermacam-macam isu yang mengharapkan pandangan Islam, fatwa dan sebagainya. Selain itu, keperluan kepada satu yang khusus melatih mereka yang layak untuk menduduki jawatan seperti mufti, pegawai di jabatan mufti dan mereka yang bakal bergelar perunding atau penasihat syariah sama ada di bank atau institusi kewangan Islam serta pelbagai industri halal lain," kata beliau yang ditemui di pejabatnya, baru-baru ini.

Pihak fakulti sentiasa memastikan jumlah pengambilan pelajar setiap tahun tidak terlalu ramai bagi memastikan aspek kualiti pengajian dan produk yang akan dihasilkan.

Pengetahuan

Harapan beliau, jurusan ini dapat memenuhi keperluan bidang perundangan yang memerlukan pengetahuan dalam kedua-dua bidang itu. Tambahan pula, kini ada kes-kes yang dibawa ke mahkamah sivil, yang turut berkaitan aspek syariah.

Selain itu, FSU juga menawarkan program matrikulasi atau dikenali sebagai program Tamhidi Syariah dan Undang-undang. Syarat minimum mengikuti program ini ialah lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta memiliki kelulusan baik dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris serta subjek lain. Calon juga mesti mendapat kredit dalam sains dan matematik.

Oleh itu, kemahiran menguasai dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Arab adalah keutamaan dan kelebihan kepada calon pelajar itu.

Tambah Abdul Samat, FSU turut menawarkan Program Lepas Ijazah Diploma iaitu Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie. Ia adalah program setahun dan mereka yang berhasrat mengikutinya mestilah mempunyai ijazah dalam bidang syariah. Program ini sebenarnya untuk memenuhi keperluan lulusan syariah dari luar negara yang tidak ada latar belakang amalan undang-undang di Malaysia

ataupun lulusan dalam negara yang tidak mempunyai pengetahuan serupa.

Ini kerana jelas beliau, sesetengah negeri mensyaratkan diploma ini sebelum bergelar pegawai syariah di negeri berkenaan. Namun bagi lulusan program sarjana muda Syariah dan Undang-undang KUIIM, mereka dikecualikan daripada syarat tersebut.

"Kita turut mempunyai program lepasan ijazah peringkat sarjana dan doktor falsafah dalam bidang syariah dan undang-undang serta undang-undang perbandingan. Buat masa ini terdapat kira-kira 10 calon luar negara yang sedang mengikuti program tersebut," katanya.

Di samping itu, FSU turut menyediakan beberapa subjek minor dan kursus-kursus elektif di mana pelajar boleh memilih sepanjang tempoh pengajian mereka. Ia disediakan menerusi beberapa pakej seperti Bidang Kehakiman dan Guaman Syarie, Kewangan Islam, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Sains Pemakanan dan Undang-undang.

Ia bertujuan memberi pengetahuan dan kemahiran tambahan kepada mahasiswa. Selain mahir dalam bidang pengkhususan, mereka juga berpengetahuan mengenai hal-hal semasa yang diperlukan oleh pasaran.

Pihak FSU juga menggalakkan kakitangan akademiknya membenteng ker-

tas kerjaya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, penulisan serta membuat penyelidikan.

"Sehingga kini, terdapat dua judul buku iaitu *Kajian Syariah dan Undang-undang*, *Diskusi Syariah dan Undang-undang* dan bakal diterbitkan tidak lama lagi, *Malaysian Journal of Syariah dan Law*. Semua penerbitan ini menggabungkan kedua-dua aspek iaitu undang-undang syariah dan sivil.

"Pada 3 Ogos ini, FSU akan menganjurkan Syarahan Umum Syariah dan Undang-undang Tuanku Najihah (Siri 2) dengan menjemput penceramah undangan iaitu Ketua Hakim Pakistan. Pada 19 hingga 21 September pula, akan diadakan Seminar Antarabangsa Undang-Undang Syariah dan Sivil.

"Beberapa aktiviti untuk kecemerlangan para pelajarnya seperti kem cemerlang, kem terbilang, kursus kemahiran bahasa tidak pernah diabaikan selain program berbentuk kerjaya dan motivasi," kata beliau yang bertanggungjawab mengendalikan kira-kira 400 pelajar dan 37 staf di bawah bumbung FSU.

Pihak fakulti juga dalam proses mendapat kelulusan universiti untuk menawarkan lebih banyak program di peringkat siswazah dalam kedua-dua bidang serta Undang-undang Perbandingan (*Comparative Law*).



BILIK Moot Court memberi pendedahan awal kepada pelajar FSU.